

CNS6033

U PE 29-08 00188 BH491

aab

Mahathir - Sabah '''

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Pungutan suara untuk menentukan sama ada rakyat Sabah masih mahu berada dalam Malaysia tidak boleh diadakan kerana ia bercanggah dengan undang-undang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata undang-undang tidak membenarkan mana-mana negeri berpisah daripada Persekutuan.

+Jadi soal pungutan suara tidak timbul kerana ianya tidak boleh (diadakan),+ katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno berkata demikian sebagai mengulas saranan Anggota Parlimen daripada Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Monggoh Orow supaya pungutan suara diadakan di Sabah untuk menentukan sama ada rakyat negeri itu masih mahu berada dalam Persekutuan.

Umno Sabah telah membuat aduan polis berhubung kenyataan Datuk Orow dan meminta siasatan dijalankan sebelum keadaan menjadi tidak terkawal.

Anggota MT yang baru dilantik Tun Datu Mustapha Datu Harun, pula memberitahu pemberita bahawa hanya segelintir pemimpin PBS yang mahukan Sabah keluar daripada Persekutuan sedangkan rakyat negeri itu masih mahu kekal di dalam Malaysia. -- Bernama

▼29/08/19-33MST